

**PERIBAHASA
BAHASA MELAYU TINGKATAN 5**

Nama :

Isikan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai berdasarkan pilihan jawapan yang berikut.

di mana bumi dipijak, disitu langit dijunjung	bagai aur dengan tebing	bahasa menunjukkan bangsa
kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya	hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara
mata pena lebih tajam daripada mata pedang	bulat manusia kerana muafakat	jauh berjalan luas pemandangan

SPM 2010 : Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai

Sekolah merupakan institusi formal yang mampu melahirkan modal insan yang akan memajukan negara. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid-murid di samping bekerja sama
.....

Selain itu, mereka perlulah berusaha dengan gigih dan rajin untuk menempa kecemerlangan kerana
Sebagaimana yang diketahui, resepi kejayaan seseorang murid ialah permuafakatan antara guru dengan ibu bapa dalam melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi murid-murid dalam akademik. Apabila bermuafakat, sesuatu kejayaan mudah diperoleh kerana

SPM 2009 : Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.

- Ayah : Syafik, jagalah diri haik-baik ketika di rantau orang. Di sana nanti sesuaikan diri dengan budaya dan adat resam mereka. Ikutlah nasthat orang tua-tua, iaitu
- Syafik : Terima kasih ayah. Saya akan sematkan nasihat ayah itu dalam hati saya.
- Ayah : Di luar negara nanti ayah berharap Syafik belajarlah rajin-rajin. Setelah berjaya kelak, berkhidmatlah kepada negara ini kerana kerajaan memerlukan tenaga muda untuk membangunkan negara, bak kata peribahasa
- Syafik : Saya tidak lupa akan nasihat ayah itu.
- Ayah : Satu lagi, jika ada peluang, jelajahilah negara orang dan timbalah pengalaman sebanyak banyaknya kerana

SPM 2006 : Baca dialog di bawah dengan teliti kemudian senaraikan peribahasa atau kata-kata hikmat yang sesuai untuk diisikan pada tempat kosong.

- Amir : Ramai pengguna bahasa Melayu suka menggunakan bahasa rojak semasa berkomunikasi.
- Sofea : Yalah, bukan itu sahaja! Media massa pun sering mengabaikan penggunaan bahasa yang betul.
- Amir : Jika kita sayang akan bahasa, kita mesti menggunakan bahasa yang betul pada setiap masa dan keadaan, kerana
- Sofea : Media massa perlulah memainkan peranan yang bersungguh-sungguh dalam mendaulatkan bahasa Melayu tanpa perlu berdolak-dalik, bak kata pepatah
- Amir : Saya bersetuju dengan pendapat kamu. Media massa dapat menyalurkan idea dan kritikan dengan lebih berkesan kerana

By : Cikgu Notee Harun @ SMK Seri Selayang